

TATACARA PEMBELIAN/TUNTUTAN MENGGUNAKAN AKAUN AMANAH POTONGAN
CUKAI DUA KALI – DOUBLE TAX DEDUCTION (DTD)

1.0 PENGENALAN

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengiktiraf dan memberi kelulusan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) sebagai “Institut Penyelidikan Yang Diluluskan” (IPYD) di bawah Seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2028.

Setiap syarikat yang memberi sumbangan wang tunai atau bayaran atas perkhidmatan penyelidikan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) bagi tujuan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan layak dipertimbangkan untuk mendapat insentif potongan cukai dua kali.

Oleh itu, AKAUN AMANAH PENYELIDIKAN SIRI 63XXXXXX hendaklah dibuka di bawah pihak RMC. Segala perbelanjaan projek akan diuruskan pihak RMC untuk kelulusan dan proses pembayaran.

2.0 OBJEKTIF

Tatacara ini bertujuan untuk:

- a. Menyediakan panduan bagi proses pembelian//tuntutan bagi projek yang melibatkan potongan cukai dua kali.
- b. Memastikan semua perbelanjaan yang dibuat mematuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan.

3.0 TATACARA PEMBELIAN MELALUI eRO

1. Semua pembelian hendaklah dibuat melalui sistem pembelian e-RO dan melalui akaun Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) - 12051.
2. Pembelian peralatan atau perolehan perkhidmatan hendaklah sekurang kurangnya 3 lebih sebut harga dengan bukti yang kukuh.
3. Semua transaksi kewangan mesti dibuat dengan teratur serta dilampirkan bersama semua dokumentasi perbelanjaan termasuk (invois, pesanan pembelian (PO), pesanan penghantaran (DO), penerimaan, dan lain-lain).

4. Pembelian peralatan atau perolehan perkhidmatan daripada syarikat/ institusi, anak syarikat atau syarikat bersekutu adalah tidak dibenarkan.
5. Pesanan/ sebut harga pembelian yang dikemukakan mestilah berdasarkan pada harga pasaran semasa. Penambahan harga dari harga asal adalah tidak dibenarkan.
6. Ambil nombor rujukan. untuk diberikan kepada pembantu tadbir RMC bagi tujuan semakan dan pengesahan.

4.0 TATACARA PEMBELIAN MELALUI e-CLAIM

1. Semua tuntutan bayaran balik hendaklah dibuat melalui sistem tuntutan e-claim dan memilih staf RMC untuk semakan tuntutan.
2. Semua tuntutan bagi projek penyelidikan potongan cukai dua kali perlu disertakan dengan resit rasmi .
3. Tuntutan bagi pembelian menggunakan peruntukan di dalam akaun Amanah, hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan setelah pembelian dilakukan.
4. Penyelidik perlu memastikan syarat dan terma bagi geran penyelidikan potongan cukai dua kali mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di dalam garis panduan LHDN dan MOF. Sekiranya pembelian tidak termasuk dalam cadangan penyelidikan awal, kelulusan hendaklah diperolehi dari pihak penaja dan RMC terlebih dahulu sebelum pembelian dibuat.

5.0 PENTADBIR PROSES eRO/e-Claim

Penama penama yang perlu diletakkan bagi proses eRO/e-Claim.

KOD PTJ	S03-12051(RMC) (PENYELIDIKAN 5XXXXX, 9XXXXX,63XXXXX)	
PROSES	JAWATAN	NAMA
Pemohon	Penyelidik	Penyelidik
Semakan	Pembantu Tadbir	Pn. Aishah Md Yasin
Sokongan	Penolong Pendaftar Kanan	En. Nasrul Amri Selamat
Kelulusan	Pengarah	Prof. Dr. Mohd Adzir Mahdi